

**NO SOALAN :61****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG  
(WANGSA MAJU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 04.04.2018**

**Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG [ WANGSA MAJU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status terkini projek Bandar Malaysia di Sungai Besi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Syarikat Bandar Malaysia Sdn Bhd (BMSB) yang kini telah diletakkan di bawah naungan Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) adalah pemaju utama untuk pembangunan projek Bandar Malaysia. Walaupun proses permohonan cadangan (*Request for Proposal*, dengan izin) masih belum dimuktamadkan, pihak BMSB telah pun memulakan perancangan infrastruktur di sebahagian tapak Bandar

Malaysia seperti jajaran 2 *Mass Rapid Transit* (MRT), jajaran dan terminal *High Speed Rail* (HSR) dan juga rundingan bersama konsesi jalan raya bagi menetapkan jaringan pengangkutan terbaik untuk Bandar Malaysia dan juga Kuala Lumpur. Kerja-kerja tanah dan juga pembinaan jajaran MRT 2 di tapak Bandar Malaysia sedang giat dilaksanakan.

Pada masa yang sama, BMSB juga bertanggungjawab untuk meneruskan projek perpindahan pangkalan udara Kuala Lumpur (PUKL) ke lapan tapak baharu di Semenanjung Malaysia. Empat fasiliti telah pun siap secara fizikal dan telah pun diserahkan kepada *end-user* (dengan izin) bermula daripada Jun 2015. Status kemajuan untuk empat lagi fasiliti adalah di antara 94% to 99%. Secara keseluruhan, proses perpindahan ke empat lagi fasiliti yang sedang disiapkan telah pun bermula sejak Disember 2017. Proses perpindahan akhir ke fasiliti baharu akan dilakukan secara berperingkat. Sejurus selepas itu, keseluruhan tapak Bandar Malaysia sedia dibangunkan sepenuhnya.